

**LAPORAN AKTIVITI PERLESENAN, PEMONITORAN DAN PENGUATKUASAAN
DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 (UNTUK MAKSUD
PERUBATAN) BAGI TEMPOH JULAI 2012 SEHINGGA FEBRUARI 2013**

1.0 Tujuan

Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli Lembaga mengenai aktiviti perlesenan, pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi maksud perubatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari bulan Julai 2012 sehingga bulan Februari 2013.

2.0 Kelulusan permohonan lesen oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Bagi permohonan lesen yang telah diluluskan melibatkan klinik/hospital swasta untuk tujuan perubatan dari bulan Julai 2012 sehingga bulan Februari 2013, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah meluluskan sebanyak 370 permohonan lesen. Pecahan bilangan lesen baru dan lesen pembaharuan ditunjukkan sepertimana pada Jadual 1 manakala bilangan lesen yang dikeluarkan mengikut jenis agensi adalah sepertimana pada Jadual 2.

Jadual 1 : Bilangan lesen yang dikeluarkan

Jenis Lesen	Bilangan Lesen
Lesen Baru	52
Lesen Membaharui	318
Jumlah	370

Jadual 2 : Bilangan lesen yang dikeluarkan mengikut Jenis Agensi

Jenis Agensi	Bilangan Lesen
Pergigian	127
Perubatan (GP's clinic)	188
Pusat Radioterapi	5
Radiologi	9
Veterinar	5
Klinik Pakar	4
Hospital	25
Perubatan Nuklear	5
Juruperunding	2
Jumlah	370

3.0 Tindakan undang-undang terhadap kesalahan berkaitan maksud perubatan

Sepanjang bulan Julai 2012 sehingga bulan Februari 2013, tiada tindakan undang-undang terhadap kesalahan berkaitan maksud perubatan di bawah Akta 304.

4.0 Laporan dedahan dos pekerja sinaran

Sepanjang bulan Julai 2012 sehingga bulan Februari 2013, tiada aduan mengenai dedahan dos melebihi had yang dibenarkan ke atas pekerja sinaran yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti berkaitan maksud perubatan di bawah Akta 304.

5.0 Penutup

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia adalah pihak berkuasa yang mengawal penggunaan sinaran mengion di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) bagi maksud perubatan. KKM sentiasa mempergiatkan usaha-usaha pengawalan melalui aktiviti perlesenan, pemantauan dan penguatkuasaan serta pendakwaan bagi memastikan klinik/hospital terlibat mematuhi peraturan keselamatan sinaran dan keperluan regulatori yang ditetapkan dengan turut mengambilkira segala kehendak dan peraturan semasa. Ini bagi memastikan sebarang aktiviti sinaran mengion bagi tujuan perubatan di premis-premis terlibat berada pada tahap yang sentiasa selamat dan optimum. Ini bagi menjamin keselamatan pesakit, pekerja dan juga orang awam.